

“KEDAH SEJAHTERA”

BEND20120912-KB2410

12 September 2012

PEKELILING BENDAHARI BIL 13/2012

Semua staf
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan

**MENGEMUKAKAN DOKUMEN SOKONGAN MENGHADIRI TUGAS
BAGI TUJUAN BAYARAN INVOIS TIKET PENERBANGAN YANG
MASIH TERTANGGUH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa sehingga Julai 2012 terdapat sejumlah RM308,626 invois tiket penerbangan yang masih belum dibuat bayaran kepada Uniutama Travel & Tours Sdn Bhd (UTTSB). Di antara sebab utama yang dikenalpasti adalah kerana tiada mempunyai dokumen sokongan yang lengkap. Terdapat pegawai yang tidak mengemukakan dokumen sokongan kepada staf yang menguruskan pengeluaran waran penerbangan semasa memohon tiket penerbangan untuk tujuan menghadiri tugas rasmi.

Pengurusan Universiti memandang serius mengenai perkara ini dan akan melaksanakan satu peraturan dimana bayaran invois bagi tiket penerbangan kepada UTTSB perlu dibuat dengan serta merta, walaupun tanpa dokumen sokongan (menghadiri tugas rasmi) yang lengkap. Walaupun bagaimanapun bayaran tersebut akan dicaj terlebih dahulu ke akaun pendahuluan perjalanan pegawai yang berkenaan dan pelarasan hanya akan dilakukan setelah dokumen sokongan yang lengkap diterima.

Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan diminta mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan urusan rasmi seperti di lampiran kepada staf yang menguruskan bayaran di PTJ masing-

masing sebelum atau pada 30 September 2012 bagi tujuan bayaran. Sekiranya gagal berbuat demikian selepas dari tempoh tersebut, bayaran bagi invois berkenaan akan dilakukan dan bayaran tersebut akan dicaj sebagai pendahuluan perjalanan pegawai yang terbabit.

Sekiranya pegawai berkenaan masih lagi tidak mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bayaran dibuat, pendahuluan tersebut akan ditolak dari mana-mana bayaran tuntutan perjalanan pegawai berkenaan (jika ada) dan sekiranya tiada sebarang bayaran tuntutan perjalanan, pemotongan gaji akan dilaksanakan.

Bersama-sama ini dilampirkan maklumat berkaitan perjalanan udara YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“ILMU BUDI BAKTI”

Saya yang menurut perintah


HJ AMRON MAN
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Edaran